

13/07/2004

132 bahagian Pemuda calonkan Hishammuddin

By Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Penyandang jawatan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein terus mendapat pencalonan penuh daripada semua 132 bahagian yang bermesyuarat setakat ini, apabila dua lagi bahagian yang bermesyuarat di Sabah semalam, mencalonkan beliau.

Bahagian Beaufort dan Silam yang bermesyuarat semalam juga mencalonkan Khairy Jamaluddin untuk jawatan Naib Ketua Pemuda menjadikan jumlah pencalonan untuk Ahli Exco Pemuda itu meningkat kepada 123 setakat ini.

Tiga lagi calon Naib Ketua Pemuda, Mukhriz Mahathir mendapat enam pencalonan setakat ini, Datuk Azimi Daim (dua) dan Datuk Seri Mohamad Khir Toyo (satu).

Bagi Pergerakan Wanita pula, tiada mesyuarat diadakan semalam dan penyandang jawatan Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz setakat ini memperoleh 124 pencalonan, manakala pencabarnya, Datuk Seri Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat lima pencalonan.

Penyandang Naib Ketua Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil mendapat pencalonan penuh daripada 129 Wanita bahagian yang sudah bermesyuarat setakat ini.

Bagi sayap Puteri pula, 142 bahagian sudah bermesyuarat sehingga kelmarin dan semalam hanya satu bahagian bermesyuarat, iaitu Bahagian Tebrau di Johor, yang keputusannya hanya diketahui lewat malam tadi.

Setakat kelmarin, Naib Ketua Puteri, Noraini Ahmad, mendahului perebutan jawatan Ketua Puteri Umno dengan mendapat 114 pencalonan, diikuti Ketua Puteri Kedah, Suraya Yaakob (28) dan Ketua Puteri Taman OUG, Sarah Ali Bashah cuma mendapat satu pencalonan.

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, Ketua Puteri Sabah, Rosnah Abdul Rashid Sherlin mendahului dengan 74 pencalonan, diikuti Ketua Puteri Negeri Sembilan, Bibi Sharliza Mohd Khalid (31).

Ketua Puteri Pahang, Shahaniza Shamsudin dan Ketua Puteri Wilayah, Azlinda Mohd Rashad, masing-masing mendapat 18 pencalonan setakat ini, manakala Suraya Yaakob turut mendapat satu pencalonan untuk jawatan Naib Ketua Puteri dan Nori Abdullah satu pencalonan.

Tiada bahagian Pemuda, Wanita dan Puteri bermesyuarat hari ini dan esok. Mesyuarat peringkat bahagian bagi ketiga-tiga sayap dijadualkan disambung semula Khamis hingga Sabtu ini.

(END)